


PENCETUS INSPIRASI

SABTU • 2 APRIL 2022

Utusan  
Malaysia

# seri



## LATIH SKUASY PERCUMA UNTUK B40, M40

Bagaikan ikan pulang ke lubuk. Selepas mengumumkan persaraan pada Jun 2019, ratu skuasy negara, Datuk Nicol Ann David tidak pulang dengan tangan kosong. Menerusi

Yayasan Nicol David Organisation beliau mahu merealisasikan impian mencungkil bakat kanak-kanak B40 dan M40 dalam skuasy. Katanya, dirinya kini lebih tenang dan hanya fokus pada yayasan.

# Misi bantu rakyat Malaysia selepas bersara

Oleh HALINA MD. NOOR  
goyautusan@mediamulia.com.my

**L**EBIH dua dekad berada di gelanggang di seluruh dunia, ratu skuasy negara, Datuk Nicol Ann David akhirnya kembali ke tanah air awal tahun ini selepas mengumumkan persaraannya pada Jun 2019 lalu.

Pemain skuasy nombor satu dunia sebanyak sembilan tahun berturut-turut ini, tidak pulang dengan tangan kosong, sebaliknya penuh dengan misinya tersendiri untuk mencungkil lebih ramai bakat dalam sukan itu.

Malah sejak menjelaskan kaki ke tanah air dari Amsterdam, jadualnya sudah sedia padat dengan pelbagai perancangan. Sehingga Nicol hanya berkesempatan untuk pulang ke Pulau Pinang menziarahi kedua ibu bapanya yang dijadualkan pada penghujung April ini.

Antara projek yang sedang diusahakan beliau adalah menuhubkan yayasannya sendiri, dikenali sebagai Nicol David Organisation yang bakal dilancarkan pada Jun ini.

Yayasan itu ditubuhkan dengan kerjasama Mariana de Reyes yang juga adalah bekas pemain skuasy Colombia selaku Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutifnya.

"Tujuan penubuhan yayasan ini antaranya adalah untuk memperkasakan kanak-kanak perempuan dan lelaki daripada

keluarga B40 dan M40 dalam sukan ini yang mana mereka akan diberi latihan untuk bermain skuasy dua kali seminggu.

"Bagi tahun pertama, program ini mendapat sokongan daripada Kementerian Belia dan Sukan serta pelbagai badan korporat seperti AIA bagi menjayakan misi berbentuk subsidi ini," katanya kepada *Seri*.

Beliau ditemui selepas sesi latihan Klinik Skuasy Eksklusif di Pusat Skuasy Nasional, Bukit Jalil, baru-baru ini. Klinik membabitkan 20 peserta wanita itu dianjurkan oleh AIA Malaysia sempena Hari Wanita Sedunia tahun ini bertemakan #AIA\_SquashTheStereotypes.

Nicol berkata, program itu terbuka kepada 50 kanak-kanak dan mensasarkan mereka yang berusia lapan tahun yang tinggal di sekitar Bukit Jalil. Ini kerana latihan bakal dijalankan di Bukit Jalil Golf and Country Resort yang sedang diubah suai buat masa ini.

"Pihak kami sudah memaklumkan kepada semua ibu bapa di sekolah kebangsaan sekitar Bukit Jalil mengenai program ini. Latihan terbahagi kepada dua, latihan skuasy selama sejam dan bahasa Inggeris selama sejam yang lebih menyeronokkan seperti menari dan menyanyi."

"Ibu bapa hanya perlu memberikan komitmen daripada segi yuran yang rendah. Kami tidak memberikan secara percuma supaya anak-anak lebih komited



**NICOL** ingin memberi peluang kepada generasi muda meneroka sukan skuasy sebagai membalaik jasa Malaysia yang banyak menyokong kerjayanya selama ini.



**NICOL** tetap mementingkan penjagaan kecantikan walaupun harinya sibuk dengan pelbagai aktiviti.

“Ibu bapa hanya perlu memberikan komitmen daripada segi yuran yang rendah.

Kami tidak memberikan secara percuma supaya anak-anak lebih komited dan menghargai sesi latihan ini.”

dan menghargai sesi latihan ini,” katanya yang mahu menjadikan sesi latihan di situ sebagai tempat yang menyeronokkan bagi kanak-kanak.

### KONGSI NILAI MURNI

Beliau berkata latihan bahasa Inggeris diberikan berdasarkan silibus yang diajar di sekolah tetapi secara lebih santai bagi memupuk minat mereka terhadap bahasa terpenting di dunia itu.

Berdasarkan pengalamannya merantau di negara orang, Nicol percaya penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan kanak-kanak daripada keluarga kurang berkemampuan itu bakal membantu mereka untuk melangkah lebih jauh.

“Saya banyak belajar nilai-nilai murni sejak berkecimpung dalam sukan skuasy. Saya mahu menerapkan nilai ini dalam kalangan peserta kami sejak usia muda. Skuasy mengajar saya supaya lebih berdisiplin, fokus dan bijak membahagikan masa.

“Rasanya saya tidak akan menjadi pelajar yang baik semasa bersekolah dulu jika tidak memiliki semua nilai ini. Mungkin saya seorang yang pelajar yang pemasal,” katanya berjenaka sambil ketawa riang.

Selain penubuhan yayasannya itu, Nicol turut menyimpan hasrat untuk menubuhkan akademi skuasy miliknya sendiri suatu hari nanti.

Buat sementara ini, beliau bakal mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan skuasy melalui peserta kanak-kanak yang menyertai program latihan yang dijalankan kelak.

Misinya cukup besar iaitu untuk memberi peluang kepada generasi muda menerokai sukan itu selain berkongsi pengalamannya dalam sukan skuasy sebagai membela jasa Malaysia yang banyak menyokong kerjayanya selama ini.

Ketika ditanya sama ada dia merindukan zaman bertarung di gelanggang katanya:

“Saya kini lebih tenang tanpa perlu berdepan tekanan. Sekarang semuanya hanya terfokus kepada yayasan dan cabarannya,” katanya.

### TAK PERLU JADI NICOL DAVID

Nicol menasihatkan ibu bapa supaya memberikan kebebasan kepada anak-anak memilih kerjaya masing-masing dan menyokong apa saja cita-cita mereka termasuk dalam bidang sukan.

“Tidak perlu menjadi Nicol David lagi. Jangan bandingkan keupayaan anak. Beri mereka peluang melakukan apa yang mereka inginkan atau minati. Kalau minat sukan, ibu bapa kena faham dan beri peluang mencuba selama setahun dulu. Lihat potensi mereka.

“Saya bertuah kerana ibu bapa



**SAYA Nicol David bakal difilemkan produksi Malaysia dengan kerjasama produksi dari Amerika Syarikat.**

“

*Skuasy mengajar saya supaya lebih berdisiplin, fokus dan bijak membahagikan masa.”*

percayakan saya. Bapa seorang ahli sukan manakala ibu pula seorang guru. Saya minat sukan dan mendapat restu mereka walaupun ada masa sukar untuk melepaskan anak semuda 18 tahun bermain secara profesional serta tinggal di Amsterdam sendirian,” katanya.

Mengakui tidak mudah melakar kejayaan sebagai ahli sukan, lantaran perlu bekerja keras dan bangun awal setiap pagi, namun, itulah yang mendorongnya untuk menjadi atlet profesional.

### SAYA NICOL DAVID

Legenda sukan ini menjelaskan dirinya sudah merancang persaraannya teliti, dua tahun sebelum membuat keputusan menggantung raketnya.

“Ahli sukan lain yang ingin bersara, saya sarankan supaya merancang sebaiknya apa yang ingin dilakukan selepas bersara. Sebabnya tidak dinafikan memang mencabar untuk memulakan hidup baru,” katanya.

Terbaru, liku perjalanan Nicol sehingga berjaya mencapai kedudukan nombor satu dunia bakal difilemkan dan ditonton dalam tempoh dua tahun lagi.

Filem berkenaan bakal menampilkan pelakon yang dibawa

### BIODATA

**Nama:** Datuk Nicol Ann David

**Tarikh lahir:** 26 Ogos 1983

**Asal:** Pulau Pinang

**Tinggi:** 1.62 m

**Pendidikan:** Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Green Lane, SK Convent Green Lane

**Nama ibu bapa:**

Ann Marie David,

Desmond David

**Kerjaya skuasy:**

Bерmain sejak usia lima tahun

**Gelaran:** Duracell Panni

**Kerjaya sukan:**

• 1992-Pingat perak Kejohanan Remaja Pulau Pinang

• Gelaran dunia pertama junior. Pada usia 15 tahun pada 1999

• Kejohanan Skuasy Remaja Dunia di Antwerp, Belgium (juara remaja dunia wanita termuda dalam sejarah)

• Gelaran nombor satu dunia yang pertama: Januari 2006

• Anugerah Atlet Terunggul Sepanjang Zaman Sukan Dunia The World Games: 2022

**MENGAKUI**  
**sukar kekalkan**  
**berat badan**  
**bila balik**  
**ke Malaysia**  
**sebab banyak**  
**makanan sedap.**  
**Makanan paling**  
**digemari Nicol**  
**adalah char**  
**kuay teow.**

dari Hollywood dan pelakon tempatan.

“Seronok rasanya bila mula mencari pelakon nanti. Saya kini dalam proses menyiapkan skrip. Saya Nicol David bakal difilemkan produksi Malaysia dengan kerjasama produksi dari Amerika Syarikat,” katanya.

### PERLU ADA RAMAI PEMBUAT DASAR WANITA

Mengulas mengenai diskriminasi wanita dalam sukan, beliau tidak menafikan ia berlaku dalam kerjayanya yang lebih ramai pemain lelaki berbanding wanita.

Berbanding wanita, lelaki lebih banyak mendapat perhatian sehingga dia berjaya tampil sebagai pemain nombor satu dunia. Malah daripada segi hadiah juga kadangkala pemain wanita dapat lebih rendah berbanding lelaki.

Beliau yang digelar Duracell Panni kerana kelincahannya di gelanggang berkata, selepas 10 tahun dalam sukan itu, baharulah ada hadiah yang sama antara lelaki dan wanita.

“Dalam sukan, majoriti lelaki pembuat dasar. Justeru, kita perlu lebih ramai wanita sebagai pembuat dasar dalam sukan. Lelaki dan wanita mempunyai kekuatan yang sama tetapi atlet wanita perlu bekerja lebih keras untuk mencapai kejayaan.

“Bagaimanapun, saya kira hari ini wanita kian menerima pengiktirafan lebih baik, semuanya disebabkan oleh kempen permerkasaan wanita tetapi perjalanan kita masih jauh. Buat masa ini, kita sudah berada di landasan yang betul,” katanya.

